KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **23 OKTOBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 32

# 60 kereta sedan diguna penyeludup dilupus

**BACHOK:** Sebanyak 60 kereta jenis sedan yang digunakan penyeludup untuk menyeleweng bahan bakar bersubsidi iaitu petrol serta diesel ke negara jiran dilupuskan sepanjang tahun ini oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan.

Pengarah KPDN negeri, Azman Ismail berkata, kesemua kenderaan dilupuskan menerusi kaedah jualan kepada pembeli barang lusuh.

Menurutnya, pada masa sama kenderaan tersebut turut dihadiahkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Kolej Vokasional untuk tujuan latihan.

"Rampasan kereta ini dibuat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 selepas pemeriksaan dilakukan KPDN Kelantan mendapati tangki tambahan diwujudkan untuk tujuan penyeludupan.

"Antara kereta yang kita rampas sepanjang operasi ialah Proton Wira, Proton Iswara, dan Perodua," katanya dalam sidang akhbar mengenai rampasan barangan kes di Stor Penyimpanan Barang Kes KPDN di Kandis di sini, semalam.

Azman memberitahu, kerja-kerja pelupusan dibuat sebaik sahaja mahkamah menyelesaikan proses perlucutan hak ke atas kenderaan tersebut.

Katanya, sepanjang tempoh tiga tahun bermula 2022 hingga kini, sebanyak 726 kenderaan berkait Akta Kawalan Bekalan 1961 disita.

"Bagaimanapun, daripada jumlah itu sebanyak 666 buah masih dalam siasatan untuk proses pelupusan," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, sepanjang Januari hingga Oktober, sebanyak 769 kes rampasan melibatkan Akta Kawalan Bekalan direkodkan.

Katanya, ia melibatkan nilai rampasan berjumlah RM4.3 juta.




AZMAN Ismail (tengah) menunjukkan gambar kenderaan dirampas pihaknya yang digunakan untuk menyeludup bahan bakar ke Thailand dalam sidang akhbar di Stor Penyimpanan Barang Kes KPDN di Kandis, Bachok, Kelantan, semalam. - UTUSAN/KAMARUL BISMI KAMARUZAMAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 32

# 70 pemborong di Kelantan simpan stok hadapi banjir

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatimin.abdullah@medimulia.com.my

**BACHOK:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan membenarkan 70 pemborong menyimpan 30 peratus stok sebagai persediaan menghadapi banjir tidak lama lagi.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, mereka dibenarkan menyimpan stok bermula November hingga Februari depan.

Menurutnya, langkah itu bertujuan memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi di pasaran sekali gus memudahkan pengguna mendapatkannya semasa banjir melanda nanti.

"Kesemua pemborong ini dibenarkan untuk menyimpan stok sebanyak 30 peratus daripada jumlah asal mengikut lesen yang diluluskan oleh pihak kami," katanya kepada pemberita di Stor Penyimpanan Barang Kes KPDN di Kandis di sini, semalam.

Azman memberitahu, kesemua stok bekalan makanan itu sudah dibawa masuk ke negeri ini sebagai persediaan menghadapi tengkujuh.

Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) sebelum ini menjangkakan angin monsun berlaku pada awal bulan depan berdasarkan faktor klimatologi.

Ketika ini, negara masih berada dalam fasa peralihan monsun bermula 24 September lalu dan dijangka berterusan sehingga awal bulan depan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU
HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 35

# Cukai gula sebabkan harga minuman naik?

**GEORGE TOWN:** Sebarang kenaikan harga bagi produk minuman bergula susulan kenaikan duti eksais untuk barangan keperluan itu tidak akan dirasai oleh peniaga yang terlibat dalam masa yang terdekat.

Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Melayu Malaysia (Gapema) Pulau Pinang, Norain Mohd. Noor berkata, sebaliknya kenaikan tersebut hanya akan dirasai selepas beberapa bulan ia dilaksanakan.

Katanya, ini kerana, selepas tempoh berkenaan barulah mereka dapat mengira kembali segala perbelanjaan, untung rugi, jualan dan sebagainya secara konsisten.

"Sebenarnya, kami, para penjaja dan peniaga ini dah terasa bahang ini (kemungkinan berlaku kenaikan harga produk minuman bergula) sejak beberapa subsidi berkaitan ditarik balik sebelum ini.

"Bagi peniaga borong, mungkin situasi ini tidak begitu ketara. Tapi, bagi yang berniaga secara kecil-kecilan, sudah pasti mereka juga akan terjejas (dan seterusnya terpaksa menaikkan harga minuman bergula)," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Semalam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan kenaikan duti eksais gula tidak akan memberi kesan kepada pengguna kerana ia membabitkan kandungan gula dalam minuman dan bukannya gula biasa.

Bagaimanapun, kenyataan itu menimbulkan pelbagai polemik dan hari ini pula, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menerusi Timbalan Setiausaha Agungnya, Nur Asyikin Aminuddin meminta kerajaan untuk menyenaraikan produk yang dikenakan cukai itu.

Mengulas lanjut, Norain berkata, Gapema Pulau Pinang khususnya mengambil pendekatan tunggu dan lihat pada masa ini untuk melihat sejauh mana kenaikan duti eksais gula itu memberi kesan kepada golongan penjaja dan peniaga selepas ini.

"Bagi pengguna pula, kita hanya merasai kesan tersebut selepas peniaga menaikkan harga barang," katanya yang berpandangan, kedua-dua pihak pasti terjejas susulan pelaksanaan duti minuman eksais untuk gula ini.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI
HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 16

# 14 premis pengedar aksesori telefon tiruan di 9 negeri diserbu

**PUTRAJAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melakukan serbuan terhadap 14 buah premis berasingan di sembilan negeri ekoran disyaki menjual pelbagai jenis aksesori telefon bimbit tiruan minggu lalu.

Serbuan itu melibatkan Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Pahang, Kedah dan Pulau Pinang dengan nilai rampasan sekitar RM65,000.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, operasi bersepadu itu dilaksanakan hasil aduan diterima daripada wakil pemilik cap dagangan berdaftar berkaitan serta risikan awal KPDN.

Katanya, hasil maklumat awal diperolehi, kesemua premis terbabit disyaki membekalkan aksesori telefon bimbit tiruan dengan berselindung di sebalik syarikat yang membekalkan aksesori telefon asli.

"Ia melibatkan pemilikan oleh syarikat yang sama di seluruh negara. Hasil pemeriksaan lanjut ke atas semua premis terbabit, KPDN menemukan sejumlah 2,600 unit pelbagai jenis aksesori telefon bimbit yang disyaki dipakaikan cap dagangan secara salah di bawah Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815).

"Kesemua aksesori telefon bimbit tersebut bersama beberapa dokumen perniagaan lain telah disita bagi tujuan siasatan dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM65,000," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, 13 kertas siasatan telah dibuka bagi siasatan lanjut kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Subseksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019.

"Selain itu, syarikat ini juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) (Akta 613)," tambahnya.



PENGUAT Kuasa KPDN melihat aksesori telefon bimbit tiruan yang berselindung di sebalik barangan asli.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 20

# KPDN Kelantan lantik 70 peruncit, pemborong simpan stok hadapi banjir

**Bachok:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan melantik 70 pemborong dan peruncit barang kawalan serta keperluan asas sebagai persediaan banjir bermula bulan depan sehingga Mac tahun hadapan.

Pengarahnya, Azman Ismail, berkata semua mereka yang dilantik membabitkan semua daerah dengan bilangan paling banyak adalah di Kota Bharu.

Katanya, mereka yang terpilih itu perlu menyediakan bekalan makanan tambahan sebanyak 30 peratus daripada kuota lesen mereka yang dibenarkan.

"Setiap tahun bermula November sehingga Mac, kita akan melantik pemborong dan peruncit di setiap daerah bagi memastikan bekalan makanan tidak terjejas sepanjang tempoh Monsun Timur Laut (MTL) selain dijual pada harga yang ditetapkan.

"Tahun ini juga 70 pemborong dan peruncit dilantik iaitu jumlah yang sama sebagaimana tahun lalu dan mereka perlu menyimpan stok bekalan sebanyak 30 peratus sebagai persediaan banjir.

"Kita juga akan memastikan premis mereka yang terpilih berada di lokasi strategik dan tidak terbabit dengan banjir," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Program Pelupusan Barang Kes Oleh KPDN, di Kandis, di sini, semalam.

> "Semua mereka dilantik babitkan semua daerah dengan bilangan paling banyak di Kota Bharu
> Azman

Dalam perkembangan lain, Azman turut mengakui kegiatan penyeludupan minyak masak ke negara jiran masih lagi berlaku walaupun penguatkuasaan ketat dilakukan pelbagai agensi.

Katanya, ini kerana sempadan Kelantan-Thailand yang luas dan terbuka sepanjang 96 kilometer (km) selain aktiviti penyeludupan sudah menjadi sumber pendapatan mereka di kawasan sempadan.

"Hasil operasi yang dilakukan, aktiviti penyeludupan bukan sahaja membabitkan premis di kawasan sempadan sebaliknya rumah persendirian turut melakukan aktiviti berkenaan.

"Memang kegiatan ini menjadi aktiviti turun temurun mereka dan menjadi sumber pendapatan," katanya.



AZMAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



KEDAI AKSESORI TELEFON TIRUAN KENA SERBU

# 1 TAUKE, 14 PREMIS

Berselindung di sebalik perniagaan aksesori telefon bimbit asli, sebuah syarikat dikesan turut menjual aksesori tiruan di 14 premis miliknya di beberapa negeri. Perkara itu terbongkar selepas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyerbu premis berkenaan serta merampas 2,600 unit pelbagai aksesori telefon bimbit disyaki menggunakan cap dagangan secara salah bernilai RM65,000, lapor Muhaamad Hafis Nawawi

MS5

Harian Metro

HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 5

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

14 PREMIS JUAL AKSESORI TELEFON BIMBIT TIRUAN DISERBU

# Selindung di sebalik barang *original*

**Putrajaya**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyerbu 14 premis milik sebuah syarikat kerana menjual pelbagai aksesori telefon bimbit disyaki tiruan, minggu lalu.

Serbuan dilakukan di Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Kedah dan Pulau Pinang secara bersepadu membabitkan nilai rampasan RM65,000.

Ketua Pengarah Penguatkuasanya, Datuk Azman Adam berkata, serbuan dijalankan hasil aduan wakil pemilik cap dagangan berdaftar yang berkaitan serta risikan awal dilakukan oleh KPDN.

> "Nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM65,000
> Azman

Menurutnya, hasil maklumat awal, kesemua premis terbabit disyaki membekalkan aksesori telefon bimbit tiruan dengan berselindung di sebalik aksesori asli, membabitkan pemilikan oleh syarikat yang sama di seluruh negara.

"Hasil pemeriksaan lanjut ke atas semua premis terbabit, pegawai penguat kuasa menemukan sejumlah 2,600 unit pelbagai aksesori telefon bimbit disyaki menggunakan cap dagangan secara salah mengikut Akta Cap Dagangan 2019 [Akta 815].

"Kesemua aksesori telefon bimbit itu bersama beberapa dokumen perniagaan disita bagi siasatan dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM65,000," katanya dalam kenyataan, semalam.

Azman berkata, sebanyak 13 kertas siasatan dibuka bagi siasatan lanjut kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut subseksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 iaitu mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan bagi maksud perdagangan apa-apa barang yang suatu cap dagangan berdaftar dipakaikan dengan salah.

"Selain itu, syarikat ini juga akan disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613].

"KPDN ingin memberikan amaran kepada mana-mana pihak supaya tidak menjual barangan yang tidak mendapat kebenaran pemilik cap dagangan berdaftar yang sah kerana ia adalah kesalahan serius," katanya.



PEGAWAI penguat kuasa memeriksa pelbagai aksesori telefon bimbit disyaki tiruan.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 22





# KPDN sita Proton Wira seludup 700 liter petrol

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Barang seludup RM4.3 juta dirampas

**BACHOK** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan merampas pelbagai barangan seludup bernilai RM4.3 juta dari Januari hingga Oktober tahun ini.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, rampasan melibatkan 769 kes yang berjaya dilakukan pihaknya.

"Kesemua rampasan ini melibatkan Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya semasa sidang akhbar pada Selasa.

Sebelum itu beliau hadir pada Program Pelupusan Barang Kes di stor penyimpanan KPDN di Kandis di sini.

Tambah beliau, KPDN Kelantan turut menerima serahan rampasan dilakukan oleh penguat kuasa yang melaksanakan tugas di sempadan Malaysia-Thailand melibatkan jumlah RM1.5 juta.

Azman berkata, jumlah itu direkodkan menerusi 491 kes dan 173 tangkapan.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, Pasukan Gerakan Am (PGA) merekodkan jumlah tangkapan tertinggi iaitu RM1.28 juta melibatkan 320 kes.

"Diikuti Jabatan Kastam sebanyak RM98,250, Pasukan Polis Marin (PPM) bernilai RM85,829 dan PDRM berjumlah RM46,905 serta beberapa agensi lain," katanya.

Dalam perkembangan sama, Azman berkata, sebanyak 99 kes telah diselesaikan di mahkamah melibatkan RM607,000.

Ujarnya, rampasan tersebut akan dilupuskan dan kebanyakannya melibatkan Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Timbang Sukat 1972, Akta Cap Dagang 2019 serta Akta Pelindungan Pengguna 1999.

Beliau berkata, antara barangan tersebut ialah beg, kasut, seluar dan wangian tiruan, peralatan komputer, logo halal palsu dan sebagainya.



Azman (dua dari kanan) menunjukkan antara barang seludup yang dirampas dari Januari hingga Oktober tahun ini.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 25

# Diesel dah mahal, petrol pula jadi sasaran

## Op Tiris 3.0 gagalkan cubaan seleweng 700 liter petrol ke Thailand

**Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN**
RANTAU PANJANG

BEREH BOH!

Cubaan penyeludup menyeleweng 700 liter petrol bersubsidi ke negara jiran tidak berhasil apabila pihak berkuasa menyerbu sebuah rumah tidak bernombor yang dijadikan lokasi penyimpanan di Kampung Lubok Gong di sini pada Isnin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, serbuan jam 12 tengah hari dilakukan sempena Op Tiris 3.0 bertujuan mengekang aktiviti penyeludupan.

"Anggota bertugas di sempadan mengesan sebuah kereta jenis Proton Wira Aeroback dipandu dalam keadaan mencurigakan.

"KPDN mengekori kenderaan ini sehingga ke lokasi sebelum pemandu menyedari kehadiran pihak berkuasa bertindak melarikan diri," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Azman berkata, hasil pemeriksaan lanjut mendapati kenderaan itu dipenuhi tong jeriken mengandungi petrol disyaki cuba diseludup ke negara jiran.

"Sebanyak 700 liter petrol dianggarkan bernilai RM1,435 dirampas dengan jumlah rampasan keseluruhan berjumlah RM3,435.

"KPDN menyeru orang ramai menyokong inisiatif Kita Gempur bagi membanteras aktiviti penyelewengan dan penyeludupan yang merugikan rakyat serta negara," katanya.



Pegawai KPDN memeriksa kenderaan dipenuhi tong mengandungi petrol bersubsidi cuba diseludup ke negara jiran di Rantau Panjang.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 25

# KPDN sita 726 kenderaan penyeludup

**BACHOK** - Sebanyak 726 kenderaan berkait Akta Kawalan Bekalan 1961 disita sepanjang tempoh tiga tahun sejak 2022.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KDPN) Kelantan, Azman Ismail berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 666 kenderaan masih dalam siasatan serta proses pelupusan.

"Tahun ini sebanyak 60 kenderaan digunakan penyeludup untuk menyeleweng bahan api ke negara jiran berjaya disita.

"Antara jenis kereta paling banyak digunakan ialah Proton Wira, Proton Saga Iswara dan Perodua Viva," katanya ketika menghadiri Program Pelupusan Barang Kes di Stor Penyimpanan KPDN di Kandis di sini pada Selasa.

Menurut Azman, ada kereta dirampas selepas didapati mengubah suai tangki untuk tujuan penyeludupan petrol dan diesel.

"Pelupusan akan dibuat selepas dilucut hak oleh mahkamah.

"Selain dijual kepada pembeli barang lusuh, kereta yang sudah lucut hak ini juga dihadiahkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Kolej Vokasional untuk tujuan latihan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 15

# 14 premis disyaki jual aksesori telefon tiruan diserbu

**PUTRAJAYA-** Sebanyak 14 premis rangkaian pengedar di sembilan negeri diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) minggu lalu kerana disyaki menjual pelbagai jenis aksesori telefon bimbit disyaki tiruan.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, serbuan yang dilakukan secara berasingan di Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Pahang, Kedah dan Pulau Pinang membawa kepada nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM65,000 termasuk dokumen perniagaan serta aksesori telefon.



**Pegawai KPDN melakukan pemeriksaan di salah sebuah premis yang diserbu kerana disyaki menjual aksesori telefon tiruan.**

"Hasil maklumat awal, kesemua premis terbabit disyaki membekalkan aksesori telefon bimbit tiruan berselindung di sebalik syarikat yang membekalkan aksesori telefon asli, melibatkan pemilikan oleh syarikat yang sama di seluruh negara," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, sejumlah 13 kertas siasatan telah dibuka kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah subseksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 iaitu mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya bagi maksud perdagangan apa-apa barang yang suatu cap dagangan berdaftar dipakaikan dengan salah.

Jelas beliau, jika disabitkan kesalahan berkaitan pemakaian cap dagang secara salah, mereka boleh dikenakan denda sehingga RM15,000 bagi setiap unit barang itu, atau RM30,000 bagi kesalahan kedua dan yang berikutnya.

# 2,600 fake phone accessories seized

**PUTRAJAYA:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry raided 14 premises across nine states last week on suspicion of selling fake phone accessories.

The states involved were Kuala Lumpur, Selangor, Malacca, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Pahang, Kedah and Penang.

Ministry Enforcement director-general Datuk Azman Adam said they found 2,600 units of assorted fake phone accessories believed to bear counterfeit trademarks, which is an offence under the Trademarks Act 2019 (Act 815).

He said the integrated operation, conducted by Putrajaya ministry enforcement personnel and the respective state ministry offices, was based on complaints lodged by representatives of registered trademark owners and the ministry's preliminary intelligence.

Investigations found that the premises are suspected of supplying fake phone accessories by concealing their activities behind a company selling original accessories, involving ownership by the same company nationwide.

Azman said 13 investigation papers have been opened on suspicion of committing offences under Subsection 102(1)(c) of Act 815.

The company will be investigated under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001.

The ministry advised consumers not to support the sale of fake goods as the items may be hazardous. – Bernama

TheStar

HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 12

# Shops raided in fake phone accessories crackdown

**PUTRAJAYA:** A total of 14 premises in nine states in Peninsular Malaysia were raided by the authorities last week on suspicion of selling fake mobile phone accessories.

The states involved were Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Negri Sembilan, Johor, Perak, Pahang, Kedah and Penang.

Domestic Trade and Cost of Living Ministry Enforcement director-general Datuk Azman Adam said they found 2,600 units of assorted fake mobile phone accessories believed to be bearing counterfeit trademarks, which is an offence under the Trademarks Act 2019 (Act 815).

"All the fake mobile phone accessories and several other business documents were confiscated, with the value of the total seizure estimated to be RM65,000," he said in a statement reported by Bernama yesterday.

He said the raid, conducted by enforcement personnel from Putrajaya and the respective state offices, followed complaints from trademark owners and ministry intelligence.

Preliminary investigations found the suspects allegedly concealed fake products by operating under companies selling original accessories.

Azman said 13 investigation papers had been opened on suspicion of committing offences under subsection 102(1)(c) of Act 815.

In addition, the shop owners will also be investigated under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (Act 613), which is to detect, freeze, seize and ultimately forfeit any income or assets generated from the illegal activities of trademark-related misappropriation.

The ministry cautioned against engaging in the sale of unauthorised trademarked goods.

It also advised consumers not to support the sale of fake goods because the items may be hazardous to them.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 9

# Small businesses taking IP lightly

Izzah Amirah

KOTA KINABALU: Many small and medium enterprises (SMEs), especially in the food and beverage (F&B) and hospitality sectors, still do not understand the importance of intellectual property (IP) as a resource for business growth.

The Ministry of Domestic Trade and Costs of Living (KPDN) Secretary-General Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar said this situation exposes SMEs in these sectors to the risk of financial losses.

He noted Statistics Department data show SMEs accounted for 96.9 per cent of all registered businesses in the country last year, highlighting their significant contribution to the economy.

"However, many SMEs still do not grasp the importance of intellectual property as a resource for business growth. This is particularly evident in the F&B and hospitality sectors, where innovation, creativity and uniqueness are crucial for their business success.

"Neglecting intellectual property aspects can have significant repercussions, even for well-established companies," he said at the launch of the World Intellectual Property Organisation (WIPO) Intellectual Property Management Clinic (IPMC) for Sabah entrepreneurs in the F&B industry here Monday.

The programme, organised by the Malaysian Intellectual Property Corporation (MyIPO) and WIPO, was attended by 15 companies from the F&B industry in the State. It is meant to help them protect and optimise their intellectual property assets.



Mohd Sayuthi mentioned that the failure of companies to patent their trademarks, innovations or technologies could result in competitors copying their products and profiting significantly.

He cited a leading electronics manufacturer that once pioneered the audio and video equipment sector but failed to secure patents for several technologies they developed.

"As a result, competitors were able to replicate their innovations without legal barriers and eventually outpaced them in the market.

"This mistake cost them potential revenue from licensing and forced them to compete when other companies could replicate their innovations at a lower cost," he said.

He also highlighted the success of the IPMC programme, which saw a traditional herbal drink entrepreneur from Indonesia strengthen their business not only domestically but also in international markets.

He expressed confidence that similar success could be achieved by SMEs in the F&B industry in the country, including those from Sabah, through the guidance of the IPMC programme, which has also been held in Brunei and Laos.

IPMC, introduced in 2021, was implemented in collaboration with the Asean Business Advisory Council, the Asean Secretariat and the Japan Patent Office (JPO).

Meanwhile, MyIPO statistics show that 469,688 trademark applications, including 134,315 from the F&B sector, have been recorded from January 2012 to September 2024.

During the same period, MyIPO also received 23,331 industrial design applications, 138 of which were from the F&B sector.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian
HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 11

# Jual makanan berkhasiat avokado, salmon di Jualan Rahmah



Profesor Maday Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

**Buah** avokado menjadi bualan rakyat apabila turut disebut dalam pembentangan Belanjawan 2025. Isunya bukan sahaja kerana buah ini dikenakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) diperluaskan skopnya bermula 1 Mei tahun depan, bahkan lebih daripada itu.

Hakikat kerajaan melihat buah ini sebagai barang premium, menarik untuk dibahaskan. Realitinya, buah avokado berkhasiat dan memberi manfaat kepada pengguna.

Justeru, mengenakan cukai kepada buah ini jelas akan membebankan masyarakat, sekali gus memberi impak negatif dari segi kualiti kehidupan dan jangkaan tahap kesihatan pada masa hadapan.

Pada masa sama, kerajaan juga mengumumkan perang terhadap gula dengan menaikkan kadar duti eksais bagi minuman bergula secara berfasa mulai 1 Januari ini.

Peningkatan kadar duti eksais gula ini adalah untuk memerangi masalah obesiti dan gula juga antara musuh utama penyakit tidak berjangkit di negara ini.

Umum mengetahui kanak-kanak Malaysia mengalami masalah kebantutan akibat pengambilan makanan tidak bernutrisi, juga berkait isu kenaikan dalam kos barangan secara mendadak yang menyebabkan kuasa beli terhakis dan terpaksa mencari pengganti kepada makanan berkhasiat.

Jika rakyat dihimpit masalah kos sara hidup, keutamaan adalah hanya untuk makan tanpa mengira nutrisi terkandung dalam makanan.

Bukankah makanan dan buah-buahan bernutrisi seperti avokado sepatutnya berada dalam senarai barangan di bawah program Konsep Payung Rahmah?

Saya mencadangkan buah avokado dan makanan sihat bernutrisi lain seperti ikan salmon dimasukkan dalam inisiatif Jualan Rahmah dengan penetapan harga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran, selain dimasukkan dalam Pakej Rahmah makanan bernutrisi.

## Galakkan penanaman avokado

Saya juga mencadangkan Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) bagi Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), memfokuskan usaha menggalakkan penanaman buah avokado untuk memperkukuh ekonomi rakyat melalui keusahawanan tani.

Dalam jangka masa sederhana dan panjang, ladang avokado dapat diperluaskan, manakala penanaman dilakukan dengan berskala besar, akhirnya akan meningkatkan pendapatan petani luar bandar dan seterusnya kerbergantungan terhadap import juga dapat dikurangkan.

Avocado di Thailand misalnya jauh lebih murah berbanding di negara ini, menyebabkan rata-rata penduduk di Kedah misalnya membeli buah avokado di Selatan Thailand.



Peniaga tempatan, terutama perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) terbabit secara langsung dalam ekosistem dan keseluruhan rantaian bekalan tanaman avokado juga akan mendapat manfaat, seperti pembekalan baja.

Industri hiliran berkait avokado perlu dipergiat pada masa hadapan untuk memastikan PMKS dapat meningkatkan peluang menembusi pasaran eksport.

Produk halal berasaskan avokado dengan pengeluaran menggunakan aplikasi teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) dan data raya dengan bantuan pembiayaan serta pembinaan kapasiti, akan meningkatkan peluang PMKS tempatan untuk menembusi pasaran luar.

Hakikatnya, buah avokado memiliki potensi untuk pasaran ASEAN, Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP), Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan juga Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dalam masa terdekat ini.

Apatah lagi, Malaysia bakal menggalas tanggungjawab sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun hadapan akan turut membabitkan penyertaan GCC, selain hasrat menyertai (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan), peluang untuk memperkasakan pemain PMKS dan industri halal dalam industri buah avokado adalah sangat luas.

Sebenarnya, isu buah avokado tidak timbul sekiranya kerajaan membuat perancangan teliti untuk melaksanakan semula Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dalam masa terdekat.

Ini kerana lebih 170 negara di dunia sudah melaksanakan GST tanpa mengira ambang gaji minimum dan dalam semua kategori negara, sama ada negara berpendapatan tinggi, berpendapatan sederhana mahupun berpendapatan rendah.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: RABU

TARIKH: 23/10/2024

M/SURAT: 6

# Idea laksana sistem dua harga petrol kurang bijak

Oleh ASLINDA NASIR dan HAFIZ SAIDINA
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Cadangan kerajaan melaksanakan sistem dua harga bagi kadar pasaran petrol RON95 akan merumitkan pengendali, malah menganggapnya sebagai idea kurang sempurna dan kurang bijak.

Sistem dua harga itu bertujuan 15 peratus golongan T15 membayar kadar semasa pasaran petrol RON95, sementara yang lain mengikut harga subsidi.

Datuk Seri Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam) berkata, jika tetap dilakukan, ia turut akan merumitkan pekerja stesen petrol dan pengguna ketika mengisi minyak selain berisiko menambah kos proses menjual.

"Kenapa pula 85 peratus rakyat dan stesen petrol dirumitkan hanya sebab mahu kenakan 15 peratus?" soalnya di Dewan Rakyat, semalam.

Menurutnya, kerajaan sepatutnya mengenakan levi petrol kepada golongan berkenaan ketika memperbaharui cukai jalan.

Beliau menambah, dengan cara itu, kerajaan tidak perlu melaksanakan sistem dua harga di stesen minyak, namun dalam masa sama masih mengutip wang sebagai kos subsidi bagi golongan T15.

"Katakan setiap kenderaan golongan T15 isi minyak 50 liter seminggu atau sekitar 2,600 liter setahun, manakala kos subsidi ialah RM1 satu liter, kerajaan boleh pula kenakan levi petrol RM2,600 setahun ke atas lesen kenderaan golongan T15.

"Sekiranya mereka benar-benar dari golongan T15 atau mampu beli kereta melebihi RM300,000, saya rasa ia bukan masalah untuk mereka bayar RM2,600 setahun bagi setiap kenderaan milik mereka," jelasnya.

Semalam, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kerajaan bersedia berdepan reaksi awam berhubung komitmen untuk menarik semula subsidi petrol mulai pertengahan 2025.

Beliau juga berkata, kerajaan sedang mempertimbangkan sistem dua harga supaya 15 peratus T15 membayar petrol mengikut harga pasaran.

Mengulas lanjut, Ka Siong turut mempersoalkan gelaran T15 yang diwujudkan oleh kerajaan.

"Saya pun tak faham dari mana datangnya T15 ini? Kerajaan kena konsisten. Tak boleh sesuka hati, sekejap T15, T18, T20, maha kayalah. Saya anggap pasangan guru gred DG48 ke atas juga dikategorikan sebagai T15 dan dianggap sebagai maha kaya adalah adil bagi pasangan suami isteri yang rajin bekerja.

"Ini seolah-olah menghukum pasangan suami isteri yang rajin bekerja setiap hari untuk memperoleh RM13,295 sebulan. Mana mungkin gaya hidup pasangan guru ini setaraf dengan jutawan?" soalnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 35

# Kenaikan gaji minimum beri kesan kepada harga barang

**KANGAR:** Kenaikan gaji minimum sehingga RM1,700 yang disifatkan sebagai keputusan mengejut dijangka memberi kesan kepada kenaikan harga barangan antara 20 sehingga 30 peratus menjelang tahun depan

Antara sektor yang dijangka mengalami kenaikan harga barangan tersebut seperti makanan, binaan, pengangkutan, borong, peruncitan dan pelbagai lagi dengan situasi berkenaan sukar dielak kerana majikan juga terpaksa menanggung kos operasi yang tinggi khususnya di negeri-negeri luar bandar ini.

Malah di Perlis, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tiong Hwa negeri menjangkakan antara 40 ke 50 majikan bakal gulung tikar dengan pelaksanaan gaji minimum RM1,700.

Pengerusinya, Koay Chee Khoon berkata, majikan khususnya di Perlis yang kebanyakan secara kecil-kecilan sahaja antaranya terpaksa mengalami peningkatan kos membayar gaji antara 20 peratus.

Katanya, jika pekerja baru contohnya dibayar gaji minimum RM1,700 sudah pasti pekerja separa mahir dan mahir yang lama berkhidmat akan mahu



KOAY CHEE KHOON

gaji ditingkatkan juga sekurang-kurangnya sehingga 30 peratus bagi turut sama memberi keadilan kepada mereka.

Selain itu, katanya, risiko mengurangkan tenaga kerja juga tidak mustahil berlaku kepada majikan bagi mengurangkan kos.

"Kalau boleh pelaksanaan gaji minimum tersebut dilaksanakan secara berperingkat contohnya peningkatan RM50 atau RM100 terlebih dahulu memandangkan sebelum ini juga sudah ada peningkatan gaji minimum," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, majikan di tiga negeri tidak bersedia melaksanakan gaji minimum RM1,700 kerana pertumbuhan ekonomi dan ekosistem perniagaan yang belum kukuh untuk menampung kenaikan sebanyak RM200.

Majikan dan peniaga di Perlis serta Kelantan dijangka terkesan dengan pelaksanaannya berikutan saiz negeri yang kecil dan kos sara hidup rendah manakala di Sabah ekoran masalah kos bahan mentah yang jauh lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia.

Pelaksanaan gaji minimum RM1,700 bakal berkuat kuasa mulai 1 Februari depan bagi majikan yang mempunyai lima pekerja atau lebih sebagaimana diumumkan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Perdana Menteri dalam Belanjawan 2025, Jumaat lalu.

Tambah Chee Khoon, pelaksanaan gaji minimum tersebut dicadang dilaksanakan mengikut pengkelasan di negeri-negeri besar.

Katanya, di Perlis contohnya, majikan secara mikro atau kecil-kecilan sahaja yang terpaksa menanggung kos lebih tinggi dengan pelaksanaan gaji minimum tersebut.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian — TELUS & TULUS — sinarharian.com.my
HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 3

# 'Bagaimana kerajaan nak kenal pasti T15?'

## Ka Siong dakwa sistem dua harga RON95 tidak bijak, bakal rumitkan banyak pihak

Oleh NURUL HUDA HUSAIN
KUALA LUMPUR




Pelaksanaan dua harga bagi RON95 dijangka menyusahkan pengendali dan pekerja, serta pengguna di stesen minyak. - *Gambar hiasan*

LAPORAN MUKA DEPAN

Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong mempersoalkan bagaimana kerajaan mahu mengenal pasti golongan T15 dalam melaksanakan sistem dua harga bagi petrol RON95.

Beliau berkata, tindakan itu akan merumitkan banyak pihak termasuk pengendali, pekerja serta pengguna di stesen minyak.

"Pada pendapat saya, ini adalah idea kurang sempurna dan kurang bijak yang akan merumitkan pengendali dan pekerja di stesen petrol, pengguna ketika mengisi minyak serta menambah kos kepada proses menjual petrol.

"Kenapa pula 85 peratus rakyat dan stesen petrol dirumitkan hanya sebab mahu kenakan 15 peratus?" katanya ketika sesi Perbahasan Peringkat Dasar Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat di sini pada Selasa.

Ka Siong sebaliknya berpandangan, kerajaan boleh mengenakan levi petrol kepada golongan T15 ketika memperbaharui cukai jalan.

"Sekiranya kerajaan sudah kenal pasti siapa dalam golongan T15, kenapa pula kerajaan tidak kenakan sahaja levi petrol ke atas golongan ini ketika mereka memperbaharui *road tax* (cukai jalan)?

"Selain mengenal pasti golongan T15, kerajaan juga boleh kenakan levi petrol ke atas kenderaan petrol baharu yang bernilai RM300,000 ke atas," ujarnya.

Ka Siong yang juga Presiden MCA turut meminta kerajaan konsisten dengan kumpulan T15 yang baru diwujudkan itu.

"Tak boleh sesuka hati, sekejap T15, T18, T20, maha kayalah. Saya menganggap pasangan guru gred DG48 ke atas dikategorikan sebagai T15 dan dianggap sebagai mahakaya adalah tidak adil bagi pasangan suami isteri yang rajin bekerja.



WEE KA SIONG

"Ini seolah-olah menghukum pasangan suami isteri yang rajin bekerja setiap hari untuk memperoleh RM13,295 sebulan. Mana mungkin gaya hidup pasangan guru ini setaraf dengan jutawan," katanya.

Sementara itu, Lim Guan Eng **(PH-Bagan)** menggesa kerajaan menetapkan had pendapatan RM15,000 sebulan untuk T15 yang tidak akan menerima subsidi petrol RON95.

"Dalam kerangka menentukan had isi rumah golongan T15 untuk program subsidi petrol RON95, ia harus mencerminkan upah hidup rakyat.

"Ia juga seharusnya ditetapkan secara inklusif dalam lingkungan RM15,000 sebulan," katanya.

Guan Eng juga meminta kerajaan mendedahkan butiran setiap cukai yang dicadangkan kali ini supaya mendapat gambaran percukaian lebih komprehensif.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan kenyataan Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Putra Business School (PBS), Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff yang menjangkakan golongan T15 adalah mereka yang memiliki pendapatan isi rumah melebihi RM13,000 sebulan.

Ketika pelaksanaan penyasaran subsidi diesel sebelum ini, kerajaan meletakkan penerima bantuan Budi Madani mempunyai pendapatan isi rumah tidak lebih daripada RM100,000 setahun iaitu bersamaan RM8,333 sebulan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Laksanakan analisis faedah kos bagi penyasaran subsidi



RAFIDAH AZIZ

**KUALA LUMPUR -** Tan Sri Rafidah Aziz menyarankan agar penyasaran subsidi yang bakal dilaksanakan pada tahun depan diperhalusi, termasuk melaksanakan analisis faedah kos bagi memastikan setiap perancangan dapat memberi manfaat kepada rakyat.

Mantan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu berkata, ini juga penting supaya golongan rakyat berhak menerima subsidi yang diperuntukkan secara saksama.

"Pelaksanaan itu kena betul-betul bersasar dengan tepat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku bertajuk *Fathers and Their Wisdom* di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian bagi mengulas berkenaan pelaksanaan penyasaran subsidi yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan Madani Ketiga 2025 pada 18 Oktober lepas.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, setiap penyasaran adalah untuk membetulkan ketempangan amalan subsidi pukal yang memberi manfaat kepada kelompok elit maha kaya dan warga asing.

Dalam pada itu, Rafidah menekankan pelaksanaan sistem pemantauan perbelanjaan belanjawan secara berkala di setiap peringkat tata urus kerajaan daripada peringkat daerah, kerajaan tempatan hingga ke kementerian bagi memastikan tiada penyelewengan atau rasuah berlaku.

Beliau juga mengingatkan agar setiap agensi dan badan membelanjakan peruntukan diterima dengan sebaik mungkin.

"Jangan kita permainkan duit rakyat ini dan elak bermewah. Adalah penting agar setiap ringgit dibelanjakan dengan apa yang ditentukan dan dirancang," katanya.

Rafidah juga berharap golongan atasan atau kaya tidak ditekan dengan pelaksanaan cukai baharu yang membebankan kerana mereka turut menyumbang kepada pendapatan negara.

"Jangan pandang dari segi duit, tetapi nilai tambah pada setiap entiti perniagaan yang ada," katanya. - *Bernama*

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 3

# Rebat tunai lebih mudah, kurang ketirisan - Shahril



SHAHRIL SUFIAN

**SHAH ALAM** - Kaedah rebat tunai dalam pelaksanaan subsidi bersasar RON95 lebih mudah dan kurang risiko ketirisan berbanding penggunaan sistem pengesahan MyKad.

Bekas Ketua Penerangan UMNO, Shahril Sufian Hamdan berkata, berdasarkan rujukan kajian, terdapat beberapa cabaran akan dihadapi rakyat sekiranya kerajaan menggunakan mekanisme MyKad tersebut dalam penyasaran subsidi.

"Pada saya, ia (kaedah MyKad) cantik dari segi teori tetapi dalam pelaksanaan atau apabila baca kajian, perkara ini memang akan terdedah kepada penyalahgunaan. Maknanya, kita boleh pakai orang lain punya MyKad untuk mengisi minyak.

"Kedua, bayangkan masa yang diambil. Hendak masukkan MyKad dalam mesin untuk pengesahan mungkin (makan) tambahan masa.

"Jadi kos, masa di pam minyak itu sendiri dan boleh ada risiko ketirisan yang besar," katanya ketika bersiaran dalam Podcast Keluar Sekejap pada Isnin.

Shahril yang juga bekas Penasihat Ekonomi di Pejabat Perdana Menteri turut mencadangkan supaya jumlah rebat tunai itu ditentukan pada kadar berbeza dan diberikan kepada rakyat berdasarkan perbelanjaan bulanan mereka untuk RON95.

"Ia jadi seperti GST (cukai barang dan perkhidmatan). Rakyat dibolehkan untuk tuntut balik (jumlah yang dibelanjakan oleh mereka).

"Itu lebih mudah dan kurang risiko ketirisan berbanding dengan menggunakan MyKad atau sebarang kad," ujar beliau.

TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 2

# Perdebatan kaedah terbaik penyasaran subsidi petrol

## Sistem dua harga RON95 di stesen minyak dikhuatiri buka ruang eksploitasi

PUTRAJAYA

Cadangan supaya kerajaan menggunakan sistem dua harga di pam minyak sebagai mekanisme pelaksanaan subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun hadapan dibimbangi membuka lebih banyak ruang eksploitasi yang menyebabkan ketirisan.

Setiausaha Kehormat Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Bumiputera Malaysia (Bumipeda), Hanny Julia Haron berkata, kaedah itu dikhuatiri tidak berjaya mengekang ketirisan.

"Manusia akan sentiasa mencari jalan untuk mendapatkan harga yang lebih murah, sama ada mereka dalam golongan T15 atau yang lain," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujar beliau, sistem yang dicadangkan itu juga akan merumitkan operasi stesen minyak berbanding pelaksanaan satu harga seperti sekarang.

"Sebagai contoh, jika pelanggan kini hanya memerlukan lima minit untuk mengisi minyak, namun sistem dua harga mungkin mengambil masa lebih lama untuk menyelesaikan transaksi.

"Ini akan memberi impak kepada kualiti servis, pengalaman pelanggan dan melibatkan kos operasi yang lebih tinggi," jelasnya.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli sebelum ini memaklumkan kerajaan sedang mempertimbang sistem dua harga supaya 15 peratus golongan mahakaya T15 dapat membayar kadar pasaran untuk petrol RON95 manakala 85 peratus rakyat menikmati harga subsidi semasa.



HANNY JULIA

LAPORAN MUKA DEPAN

Rafizi berkata, kerajaan bagaimanapun sedang meneliti mekanisme terbaik bagi membolehkan perkara berkenaan dilaksanakan.

Pada masa sama, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican memaklumkan kerajaan juga sedang mempertimbang menggunakan pangkalan data yang dihubungkan dengan kad pengenalan, selain penggunaan e-dompet dan kad debit yang dijadikan sebahagian daripada mekanisme sistem penetapan harga bagi penyasaran subsidi RON95.

Johan berkata, terdapat juga kemungkinan pelaksanaan itu menyamai Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Sementara itu, Hanny Julia berpendapat penggunaan MyKad adalah penyelesaian terbaik yang bersifat inklusif, selamat dan efisien kerana semua rakyat Malaysia mempunyai akses kepada MyKad.

Menurutnya, MyKad direka untuk menyokong pelbagai perkhidmatan kerajaan termasuk pengagihan subsidi dalam satu kad.

"Ini menjadikan MyKad pilihan yang paling inklusif dan menyeluruh untuk melaksanakan penyasaran subsidi secara adil kepada rakyat Malaysia.

"Penggunaan MyKad juga membolehkan kerajaan mengelakkan kos besar yang mungkin timbul jika memperkenalkan kad baharu atau sistem alternatif lain," ujarnya.

Tambah Hanny Julia, menerusi pelaburan yang tepat dalam meningkatkan infrastruktur dan teknologi yang menyokong MyKad, kerajaan boleh memastikan sistem subsidi berfungsi dengan baik.

"Walaupun melibatkan kos dan masa pelaksanaan, ia tetap merupakan pelaburan jangka panjang yang paling berbaloi dan berkesan.

"Oleh itu, syarikat minyak wajar menaik taraf perisian dan perkakasan mereka bagi menyokong sistem subsidi ini.

"Namun, kerajaan harus memberikan masa yang mencukupi kepada syarikat minyak untuk menaik taraf sistem mereka," katanya.

Jelas beliau, tidak dinafikan kad debit dan e-dompet mempunyai kelebihan tersendiri namun masih terdapat risiko penipuan dan kekangan akses di kawasan luar bandar.



Penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun hadapan mencetuskan pelbagai reaksi rakyat mengenai kesannya kepada kos sara hidup.

### INFO SYOR MEKANISME SUBSIDI PETROL RON95



**1. Wujudkan sistem dua harga di pam minyak.**
- 85 peratus rakyat beli pada harga subsidi manakala T15 bayar ikut harga pasaran. Masalahnya, bagaimana untuk bezakan siapa T15?

**Antara cadangan:**
- Pengguna bayar guna kad pengenalan, e-dompet atau kad debit yang telah dihubungkan terus ke pangkalan data seperti PADU bagi menentukan kelayakan subsidi.

**2. Apungkan harga petrol pada satu harga sahaja.**
- Ini sama seperti dilakukan ke atas diesel, Jun lalu dan memberi bantuan tunai secara bulanan kepada mereka yang layak dapat subsidi.

**3. Contohi Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS)**
- Di bawah sistem ini, kenderaan petrol boleh dibahagikan mengikut kategori tertentu seperti kapasiti cc enjin, dan pemilik kenderaan yang layak akan mendapat kad fleet yang akan digunakan ketika membeli bahan api di pam minyak.

**4. Rebat tunai**
- Pengguna beli pada harga pasaran dan membuat tuntutan balik kepada kerajaan berdasarkan perbelanjaan bulanan untuk RON95. Ia sama seperti tuntutan balik cukai GST.

**5. Kenakan levi petrol RM2,500 setahun**
- Kenakan levi petrol ke atas kelompok T15 ketika memperbaharui cukai jalan kenderaan. Kenakan juga levi ke atas kenderaan petrol baharu bernilai RM300,000 ke atas. Nilai levi dianggarkan RM2,500 setahun, mengambil kira T15 beli anggaran 50 liter petrol subsidi dalam seminggu.

**Kaedah pelaksanaan subsidi diesel sekarang**

**Pengangkutan awam:** SKDS 1.0.

**Kenderaan logistik:** SKDS 2.0 yang menggunakan kaedah kad fleet.
Pemilik kenderaan diesel persendirian: Bantuan tunai BUDI Individu RM200 sebulan.

**Petani dan pekebun kecil komoditi:** Bantuan tunai BUDI Agri-Komoditi RM200 sebulan.

TheStar
HARI: RABU
TARIKH: 23/10/2024
M/SURAT: 7

# 'Unfair to label T15 as ultra rich'

## Wee: This will cause some hardworking families to lose out on subsidies

**KUALA LUMPUR:** Lumping those under the top 15% income group (T15) as "ultra rich" would cause injustice to some hardworking families, says Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.

This is because they will lose out on petrol, health and education subsidies just because they have a household income of RM13,000 a month, said the Ayer Hitam MP.

"To say that some under T15 are ultra rich is not fair. I am not defending the rich.

"Corporate figures or millionaires come under this group.

"So too will a husband and wife who are teachers under Grade DG48 for the last 12 years, because they will surely earn an income falling under this group. Is this fair?" the Ayer Hitam MP said when debating Budget 2025 in Dewan Rakyat yesterday.

In 2022, the T15 group was defined by the Statistics Department as those with a household income of at least RM13,295.

Under Budget 2025, those under T15 would no longer be eligible for health, education and fuel subsidies.

Dr Wee also questioned the inconsistency in the household income definition, which Economy Minister Rafizi Ramli had previously assured would be based on net disposable income and locality.

Dr Wee also said introducing a two-tier system for RON95 petrol subsidies would result in confusion among the public while increasing the operating cost of petrol stations.

He suggested that there should only be one price for RON95 petrol at the pumps.

"Instead, impose a petrol levy on the road tax for cars worth RM300,000 and above.

"If the car uses an average of 2,600 litres of petrol annually, RM1 could be imposed as a petrol levy for every litre.

"If they can afford to purchase a RM300,000 car, they will be able to afford the RM2,600 petrol levy," he said.

Separately, Dr Wee, who is also MCA president, called for the Sales and Service Tax (SST) to be replaced with the Goods and Services Tax (GST).

Dr Wee added that the expansion of items covered by the SST will not make it much different from the GST by next year.

"We can always change the name, be it the Madani Tax or whatnot, as long as it is based on the GST concept," he said.

Dr Wee also said the e-invoicing system, set to be fully implemented next year, has characteristics of the GST system.

"If we proceed with the GST, e-invoicing will not be needed.

"At the same time, e-invoicing implementation will incur additional costs for the government through purchasing ICT equipment and necessary software.

"How much will be spent for this?" Dr Wee asked.

He also asked about the status of the High-Value Goods Tax (HVGT), questioning why the threshold value of high-value goods has yet to be defined.

"It's been almost a year but there is still no news about the HVGT," he said.

The HVGT was initially set to be implemented on May 1 this year.

Separately, Dr Wee said imposing raised excise duties on sugar-sweetened beverages while subsidising sugar manufacturers is akin to "giving vitamins and poisons at the same time".

"We must choose one," he said, referring to the announcement that excise duties on sugar-sweetened beverages will be raised by 40 sen per litre starting Jan 1, 2025.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報 CHINA PRESS

HARI: RABU

TARIKH: 23/10/2024

M/SURAT: 1

# 業者促釐清 要徵銷售税

# 優質食品 名單在哪？




■关丹frozen plus冷藏店出售来自挪威三文鱼片，有一定的市场需求。

■牛油果属于高价位水果，但销量一般。

Belanjawan 2025 MALAYSIA MADANI

2025財政預算案

報導◆楊嘉怡、謝穎賢、周佩霞



■甄丽缘：会静观其变一段时间，才决定是否调整价格。

（关丹、文德甲、哥打峇鲁22日讯）明年度财政预算案中，政府宣布非基本需求的进口“优质”食品或徵收销售税，业者呼吁政府列明“优质”商品定义，以免造成混淆，或影响进口食品的销量。

首相兼财长拿督斯里安华日前宣布2025年财案，从明年5月1日起，销售与服务税（SST）的徵税范围将逐步扩大至商业服务。

首相说，人民食用的基本食品不会徵收消费税，但非基本需求的商品，如进口“优质”商品，包括三文鱼及牛油果，将徵收销售税。

本报记者针对此课题抽样式走访超市及冷藏店，受访业者皆希望政府厘清或列明“优质”食品清单，或考虑勿把三文鱼纳入徵税清单。

关丹frozen plus冷冻店店长甄丽缘说，三文鱼属于热销食品，几乎每周都会进一次货。

她说，店内出售的深海三文鱼都是来自挪威，可作为刺身或熟食都适合。

“由于三文鱼含有丰富的维他命B，比起其他鱼类更有营养，因此一向都很受顾客欢迎。”

甄丽缘说，基于三文鱼从挪威进口，因此价格都是浮动，一切都视乎供应商提供的价格。

“目前每公斤三文鱼为138令吉，平均每片三文鱼约200多克，价格为20多令吉。”

她说，店内出售的海鲜大部分都是进口及本地，若是被纳入徵税名单，也只能跟随政府脚步徵收销售税。

“若商品被徵税后，我们会静观其变，才决定是否调整价格。”

她补充，若是成本能负担，则会自行吸纳，否则只能转嫁至消费者身上。

甄丽缘认为，三文鱼拥有较高的营养价值，即使价格调整，市场不受影响。

“我相信还是有顾客会购买，但或许会减少数量。”




■超市出售的部分水果，皆是国外进口。




## 牛油果徵税打擊銷量



■郑瑸禧

关丹海城超市英迪拉马哥打分行董事郑瑸禧说，牛油果属于高价位水果，销量一般。

“一般都是华裔购买较多，但也不会购买太多，每次约2、3粒，若是放在冰箱保鲜，可长达一个月。”

他说，该超市出售的牛油果都是来自澳洲，每粒价格约8令吉，重量约200克。

郑瑸禧说，华裔购买一般都是配早餐使用，或榨成汁饮用，毕竟牛油果汁不便宜，每杯约10多令吉。

他说，虽然牛油果含有多种营养成分及饱和脂肪含量也很低，但因价格太高，因此销量一向都一般。

“若是要再徵收销售税，相信销量会进一步减少。”

郑瑸禧说，目前店内的牛油果不时会做促销，希望在保鲜期间尽量卖出，以免亏损。

他希望政府能重新研究非基本需求商品徵收销售税的举措，以免造成业者及民众的困扰。

“若政府是指非基本需求的商品，那是否进口的食品都是被认为非基本，还是指定的商品而已？”



■三文鱼营养价值高，深得消费者喜爱。

哥打峇魯

## 徵稅指南尚未明確

哥市CFS鲜果店市场销售及客户服务负责人法雅哈说，非基本需求的进口优质食品征税事宜，目前尚未有明确的指南。

她指出，随著市场普及，许多超级市场都有售卖牛油果，加上其店取货量不多，因此，售价一般都是视供应商所给予的价格而定。

## 部分民衆要求優質品

哥市Lojing Farmers市场销售负责人江依蔚指出，目前尚未接获有关非基本需求的进口优质食品徵收销售税的讯息。

她指出，店内的蔬果都向供应商取货，不过对方也没有透露有关销售税事宜。

她说，该店所售卖的新鲜蔬果，无论是进口或本地产品，都有各自的消费者。

她透露，一些民众对于优质食品要求高，会坚持采用新鲜进口食材。

她指出，就如牛油果而言，有澳洲及纽西兰进口的，也有来自金马仑的，不同的口感具有不同的市场需求及顾客群。

文德甲

## 三文魚價格料調整



■张碧云

文德甲Jetty One海鲜专卖店业者张碧云受访时说，该店所售卖的三文鱼从挪威进口，整条每公斤75令吉，重量约4至6公斤。

“切片三文鱼则每公斤85令吉，今年三文鱼的价格没有多大变动，明年开始徵税后，我们会再看价格如何调整，也希望政府进一步宣布其他被徵税的食品清单和指南，让相关业者做好准备。”

她说，三文鱼由于营养价值高，市场需求也相当高，无论是整条或切片，都有顾客选购。

“选择整条三文鱼的顾客，一般上是家庭式消费者送给外地家人或亲戚，送礼方面更加得体。”

她分享，三文鱼的烹饪方式简单，用平底锅或气炸锅慢火料理，调味只需盐和黑胡椒就很好吃，而且烹调三文鱼不需用太多油，烹煮过程三文鱼的油，还可以用来煮其他菜肴。

她说，三文鱼的货源几乎没有缺货，节庆期间如农历新年等销量大增，有时候可能会因运输方面延迟到货，一般上如果要买整条鱼，她会建议顾客预订。

另外，本报记者走访旗山LYC连锁超市，酪梨的价格为每粒8令吉99仙，据职员透露，该超市经常有售卖酪梨，而且销量挺好。

http://eastcoast.chinapress.com.my/

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 23 OKTOBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 23-Oct | Pemandu lari tinggalkan 700 liter petrol selepas diekori KPDN | https://www.sinarharian.com.my/article/692392/berita/semasa/pemandu-lari-tinggalkan-700-liter-petrol-selepas-diekori-kpdn | SINAR HARIAN |
| 23-Oct | 2,600 fake phone accessories seized in raids across nine states | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/22/2600-fake-phone-accessories-seized-in-raids-across-nine- | THE STAR |
| 23-Oct | KPDN raids 14 premises suspected of selling fake mobile phone accessories | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-raids-14-premises-suspected-of-selling-fake-mobile-phone-accessories-FE13178148 | THE SUN |
| 23-Oct | Jual aksesori tiruan di sebalik syarikat aksesori asli | https://www.buletintv3.my/jenayah/jual-aksesori-tiruan-di-sebalik-syarikat-aksesori-asli/ | BULETIN TV3 |
| 23-Oct | 14 rangkaian kedai aksesori telefon tiruan diserbu KPDN | https://malaysia-tribune.news/2024/10/22/14-rangkaian-kedai-aksesori- | MALAYSIA TRIBUNE |
| 23-Oct | KPDN serbu rangkaian pengedar aksesori telefon bimbit tiruan di sembilan negeri | https://selangorkini.my/2024/10/kpdn-serbu-rangkaian-pengedar-aksesori-telefon-bimbit-tiruan-di-sembilan- | SELANGOR KINI |
| 23-Oct | KPDN SERBU 14 RANGKAIAN PENGEDAR AKSESORI TELEFON TIRUAN | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2354812 | BERNAMA |
| 23-Oct | KPDN gempur rangkaian premis jual aksesori telefon tiruan | https://www.sinarharian.com.my/article/692376/berita/semasa/kpdn-gempur-rangkaian-premis-jual- | SINAR HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 23-Oct | 14 rangkaian pengedar aksesori telefon tiruan diserbu | https://www.kosmo.com.my/2024/10/22/14-rangkaian-pengedar-aksesori-telefon-tiruan-diserbu/ | KOSMO |
| 23-Oct | KPDN serbu 14 premis disyaki jual aksesori telefon bimbit tiruan | https://themalaytribune.com/kpdn-serbu-14-premis-disyaki-jual-aksesori-telefon-bimbit-tiruan/ | THE MALAY TRIBUNE |
| 23-Oct | 14 rangkaian pengedar aksesori telefon tiruan diserbu KPDN | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/14-rangkaian-pengedar-aksesori-telefon-tiruan-diserbu-kpdn/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 23-Oct | Program Madani Sabah rekod lebih 480,000 pengunjung | https://www.dailyexpress.com.my/news/244366/program-madani-sabah-rekod-lebih-480-000-pengunjung/ | DAILY EXPRESS |
| 23-Oct | KPDN Kelantan lupus barangan rampasan lebih RM600,000 | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-kelantan-lupus-barangan-rampasan-lebih-rm600-000 | BERITA RTM |
| 23-Oct | KPDN Kelantan lupus barang kes bernilai lebih RM600,000 | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kelantan-lupus-barang-kes-bernilai-lebih-rm600000-492981 | ASTRO AWANI |
| 23-Oct | Kelantan KPDN disposes of case items worth RM607,000 | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/22/kelantan-kpdn-disposes-of-case-items-worth-rm607000 | THE STAR |
| 23-Oct | Kelantan KPDN disposes of case items worth RM607,000 | https://thesun.my/malaysia-news/kelantan-kpdn-disposes-of-case-items-worth-rm607000-DL13183055#google_vignette | THE SUN |
| 23-Oct | KPDN Kelantan lupus barang kes bernilai lebih RM600,000 | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kelantan-lupus-barang-kes-bernilai-lebih-rm600000/ | BULETIN TV3 |
| 23-Oct | Tuntutan subsidi diesel berkurang 51.6 peratus pada Ogos | https://www.sinarharian.com.my/article/692534/berita/nasional/tuntutan-subsidi-diesel-berkurang-516-peratus-pada-ogos | SINAR HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 23-Oct | KPDN rampas pelbagai barangan seludup RM4.3 juta | https://www.sinarharian.com.my/article/692448/berita/semasa/kpdn-rampas-pelbagai-barangan-seludup-rm43-juta | SINAR HARIAN |
| 23-Oct | Wira, Iswara antara kereta penyeludup dilupus KPDN Kelantan | https://www.sinarharian.com.my/article/692424/edisi/kelantan/wira-iswara-antara-kereta-penyeludup-dilupus-kpdn-kelantan | SINAR HARIAN |
| 23-Oct | 60 buah kereta sedan yang diguna penyeludup bahan bakar dilupus | https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/60-buah-kereta-sedan-yang-diguna-penyeludup-bahan-bakar-dilupus/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 23-Oct | Banjir: KPDN Kelantan jamin bekalan makanan cukup | https://www.sinarharian.com.my/article/692431/edisi/kelantan/banjir-kpdn-kelantan-jamin-bekalan-makanan-cukup | SINAR HARIAN |
| 23-Oct | KPDN Kelantan lantik 70 pemborong simpan stok hadapi banjir | https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/kpdn-kelantan-lantik-70-pemborong-simpan-stok-hadapi-banjir/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 23-Oct | PEH24 perkasa, martabat profesion eksekutif halal | https://www.malay.news/peh24-perkasa-martabat-profesion-eksekutif-halal/ | MALAY NEWS |
| 23-Oct | Kenakan penjara, penalti tinggi jika peniaga naik harga - Fomca | https://www.sinarharian.com.my/article/692536/khas/wacana/kenakan-penjara-penalti-tinggi-jika-peniaga-naik-harga---fomca | SINAR HARIAN |
| 23-Oct | Sindiket Aksesori Telefon Tiruan Tumpas | https://malaysiagazette.com/2024/10/22/sindiket-aksesori-telefon-tiruan-tumpas-mgflash/ | MALAYSIA GAZETTE |